

## **STRATEGI CEGAHRINTANG SINGAPURA DAN REALITINYA KEPADA MALAYSIA<sup>1</sup>**

**KAMARULNIZAM ABDULLAH**

### **PENGENALAN**

Di tengah-tengah kemelut negara-negara Asia Tenggara berhadapan dengan ancaman-ancaman pengganas antarabangsa, Singapura, baru-baru ini mengumumkan pelannya untuk membeli kapalterbang pejuang serba canggih untuk ditambah dalam Pasukan Tentera Udaranya (SAF). Setakat ini republik tersebut sedang menimbangkan untuk membeli samada kapalterbang pejuang F15T dari Syarikat Boeing Amerika Syarikat, Rafale dari Perancis ataupun pesawat pejuang Eurofighter Typhoon dari Britain.<sup>2</sup> Perancangan dan pemodenan tentera udara Singapura dikatakan untuk menggantikan A-4SU Skyhawk yang dilihat tidak lagi efektif dan ketinggalan zaman. Tindakan negara kecil tersebut menimbulkan banyak tanda tanya. Perang Dingin telah lama berlalu dan ancaman-ancaman keselamatan komunisme atau kemungkinan perang nuklear terjadi antara Amerika Syarikat (AS) dan Soviet Union (sekarang dikenali sebagai Rusia) telah tiada. Di samping itu dunia sekarang sedang berhadapan dengan ancaman-ancaman bentuk baru yang mana musuh-musuh yang wujud tidak dikenali. Oleh yang demikian, satu pendekatan yang berbeza terpaksa dipakai oleh pakar strategis ketenteraan dan politik untuk berhadapan dengan ancaman-ancaman bentuk baru ini. Penggunaan kuasa ketenteraan dilihat tidak lagi relevan kerana ancaman yang baru ini seperti memerangi keganasan antarabangsa, penyeludupan manusia, pelacuran kanak-kanak, pencemaran alam sekitar dan sebagainya memerlukan aspek strategi menyeluruh dan bukannya aspek taktikal ketenteraan dalam menghadapinya.

Tindakan Singapura untuk membangunkan dan memodenkan sistem pertahanannya mungkin boleh dilihat dari berbagai sudut. Tindakan tersebut mungkin sebahagian dari aspek pemodenan sistem ketenteraan yang dibuat secara berkala bagi memastikan keutuhan keselamatan republik tersebut. Ianya boleh dilihat sebagai projek berterusan kerajaan Singapura untuk memodenkan dan memperlengkapkan sistem pertahanan negara setanding dengan negara-negara lain. Walaupun ancaman keselamatan di Asia Tenggara sekarang ini dilihat berbeza dengan isu-isu keselamatan yang timbul lebih dua puluh tahun yang lalu, Singapura merasakan bahawa ianya tidak boleh alpa dalam keadaan dunia antarabangsa yang tidak menentu. Singapura belajar dari serangan Iraq terhadap Kuwait pada tahun 1991 yang menyaksikan bahawa jiran yang terdekat pun boleh menjadi musuh pada suatu hari nanti.

Perspektif tersebut juga menjustifikasikan tindakan republik tersebut dalam menghadapi ancaman keganasan serantau di tengah ketidakpastian dan ketidakstabilan politik Asia Tenggara. Dari aspek ini, Singapura melihat bahawa rantau Asia Tenggara berhadapan dengan persoalan governan dan kemantapan kerajaan yang memerintah. Indonesia, misalnya dilihat sebagai bom jangka yang boleh mengheret rantau ini kepada kemelut politik yang serius. Kegagalan Indonesia untuk mengatasi isu militan agama dan keganasan antarabangsa yang mana negara tersebut telah dijadikan tapak utama benar-benar membimbangkan negara jiran terutamanya Singapura. Republik Singapura, yang merupakan jiran yang paling hampir dengan Indonesia memerlukan kepastian keselamatan agar pergolakan politik dan masalah keselamatan negara tersebut tidak akan menyebabkan sistem pertahanannya kucar kucir. Malah, tindakannya untuk memodenkan sistem pertahanannya dengan menggunakan teknologi serba canggih dari penggunaan kerahan tenaga manusia menunjukkan bahawa Singapura bersedia untuk berhadapan dengan musuh yang tidak dikenali bagi mempertahankan sempadan dan kedaulatannya.<sup>3</sup>

Di samping itu, Singapura mungkin masih berpegang kepada kenyataan dan pendirian lamanya bahawa republik tersebut sama seperti negara-negara kecil yang lain seperti Israel yang mana mempunyai,

...organisasi sosialnya yang ketat [yang] membolehkannya berhadapan dengan jiran-jirannya yang lebih kuat dan besar. Terdapat hanya 2.7 juta Yahudi di Israel dan dikelilingi oleh 200 juta orang Arab di mana mereka ini dibahagikan kepada beberapa negara Arab. Tetapi mereka (orang-orang Arab) ini berazam untuk memusnahkan Israel. Adalah amat dikesalkan kerana terdapat negara berada dalam keadaan sedemikian

rupa. Tetapi keadaan yang sama juga dihadapi oleh diri kita sendiri [Singapura] di mana jika kita tidak (bersedia mempertahankan diri sepertimana Israel) Singapura akan menghadapi keadaan bergantung dengan kebanyakan negara lain dalam tempoh sepuluh tahun akan datang<sup>4</sup>

Fobia yang dihadapi oleh Singapura ini telah lama diwarisi semenjak republik tersebut terpaksa berpisah dengan Malaysia. Singapura di bawah Lee Kuan Yew dan selepas pemisahan negara itu dari Malaysia mengambil keputusan untuk menerima beberapa penasihat ketenteraan Israel bagi mewujudkan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) yang kuat dan disegani di rantau ini. Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, Singapura melihat dirinya sepertimana Israel tetapi dikelilingi oleh dunia Melayu yang diduduki oleh lebih 200 juta penduduk. Seperti mana kedudukan Israel, Singapura juga dikelilingi oleh beberapa negara Melayu yang dilihat boleh mengancam kelangsungan hidupnya. Singapura, oleh sebab itu, mesti mengatur strategi segera bagi memastikan agar nasibnya tidak akan seperti Israel yang selalu diancam oleh kekuatan ketenteraan negara-negara Arab.

Oleh yang demikian, apakah penyelesaian segera yang harus dilakukan oleh pemerintah Singapura? Bagaimana sebuah negara yang kecil yang dikelilingi oleh dua kuasa negara Melayu mampu ditangani? Dalam keadaan terdesak ini sesuatu harus dilakukan oleh Singapura untuk mempertahankan kedaulatannya.

Singapura, dalam keadaan yang sama, tidak perlu apologetik terhadap keperluannya untuk membina satu angkatan bersenjata yang kuat bagi memastikan kedaulatannya terjamin. Tetapi dalam proses tersebut Singapura juga sensitif agar ianya tidak memberi isyarat yang berbeza terhadap negara jirannya. Pengambilan beberapa penasihat tentera dari Israel merupakan polisi rahsia yang begitu besar sehinggakan mereka ini terpaksa menyamar diri sebagai orang Mexico bagi memastikan ianya tidak membangkitkan sentimen berbahaya di kalangan komuniti Melayu dan Islam di Singapura dan juga perspektif politik yang antagonistik dari seberang tambak.<sup>5</sup>

Artikel ini berpendapat bahawa aspek utama yang menyebabkan Singapura mengambil keputusan untuk membangunkan sistem ketenteraan yang kuat harus dilihat kepada keadaan rantau Asia Tenggara yang terus bergolak bukan sahaja akibat dari permasalahan ekonomi, politik dan sosial negara-negara jiran, tetapi juga akibat dari persepsi golongan elit republik tersebut yang sentiasa melihat Malaysia sebagai sumber ancaman utama republik tersebut. Keadaan Singapura yang mempunyai pergantungan ekonomi, politik, dan sosial

dengan Malaysia memperkuat lagi persepsi ancaman tersebut. Bagi Singapura sebarang ketidakseimbangan politik, ekonomi mahupun sosial memberi ancaman terus kepada kestabilannya. Kerana sikap takutnya dan persepsi ancamannya yang keterlaluan bahawa jiran-jirannya terutamanya Malaysia merupakan musuh utama kelangsungan hidupnya (*survival*), republik tersebut memerlukan sumber ketahanan dalaman yang kuat bagi menyerap sebarang ketidakstabilan yang terjadi di negara-negara jiran terutamanya Malaysia. Salah satu dari strategi utamanya ialah dengan mewujudkan dan memperkuat sistem pertahanannya dan mempunyai dasar cegahrintang yang jelas. Walaupun kadangkala dengan memodenkan dan memperkuat sistem pertahanannya akan menimbulkan ketegangan hubungan di samping mencernakan sikap curiga di kalangan jirannya, ianya juga sebaliknya telah merubah persepsi serantau terhadap Singapura dari sebuah negara yang lemah tanpa sistem pertahanan yang mantap kepada sebuah negara yang digeruni dan dikagumi dengan kecanggihan inventori ketenteraanya.

## **MEMAHAMI PEMIKIRAN DAN STRATEGI KESELAMATAN SINGAPURA**

Sejarah moden pulau kecil Singapura yang berkeluasan lebih kurang 648 km persegi dan terletak di hujung Semenanjung Malaysia dikatakan bermula apabila –Lieutenant-Gavenor Bencoolen, Sir Stamford Raffles menerima restu dari Lord Hastings, Governor-General India untuk memulakan penempatan perniagaan saudagar Britain bagi memudahkan mereka menjalankan perdagangan antara India dan China. Walaupun sejarah Singapura sebenarnya bermula dari kedatangan rombongan Sang Nila Utama, sejarah penempatan saudagar Inggeris telah mendapat tempat dan diberikan penekanan dalam teks-teks sejarah Singapura masa kini.

Tidak dapat dinafikan bahawa pihak kompeni dan seterusnya penjajah British telah berjaya menukar pulau Singapura dari sebuah hutan bakau kepada pelabuhan laut dalam yang terkemuka semenjak tahun 1818. Singapura mula dikenali di seluruh Nusantara serta Nusa Tenggara, dan menjadi pusat transit dan pelabuhan entreport utama sehingga kini. Dasar liberal migrasi penjajahan British pula menyaksikan kebanjiran kaum pendatang dari selatan China dan India di mana mewujudkan satu kota metropolitan yang begitu maju.

Sejarah Singapura juga tidak dapat lari dari membicarakan tentang hubungan geografi, budaya dan sejarah yang begitu rapat dengan Semenanjung Tanah Melayu (yang kemudiannya dikenali sebagai

Semenanjung Malaysia). Pulau Singapura, sebelum kedatangan British merupakan sebahagian dari empayar Riau-Johor yang diterajui oleh Sultan Hussein pada ketika itu. Melalui pengaruh Temenggung Abdul Rahman, sebagai pemerintah de-facto Singapura, British telah mengikat perjanjian dengan Sultan Hussein bagi menjadikan Singapura sebagai pelabuhan dan penempatan perdagangan. Perkembangan pesat Singapura menyaksikan pula pulau tersebut diserahkan sepenuhnya kepada pihak penjajahan British dan dijadikan Crown Colony pada tahun 1867. Semenjak itu, Singapura menjadi satu negeri yang tersendiri dan diangkat sebagai pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat (Straits Settlement). Apabila Malaya merdeka pada tahun 1957, Singapura masih lagi menjadi wilayah penjajahan British walaupun Negeri-negeri Selat yang lain seperti Melaka dan Pulau Pinang menjadi sebahagian dari Malaya.

Kedudukan Singapura yang menjadi wilayah British menunjukkan bagaimana pihak penjajah meletakkan Singapura sebagai satu aset yang begitu berharga kepada mereka. Jika tidak kerana imej Britain yang tercalar kerana kekalahan mereka dalam Peperangan Pasifik dan ancaman komunis yang berterusan yang melanda Asia Tenggara, penjajahan British sudah tentu mahu terus menguasai Singapura sampai bila-bila. Singapura mengambil keputusan untuk keluar dari penjajahan Britain dengan menyertai Malaysia pada tahun 1963. Manakala pemimpin Singapura yang berpengaruh, Lee Kuan Yew, pula mempunyai agenda yang tersendiri.<sup>6</sup> Lee mahu menguasai politik Malaysia dan seterusnya mengenyahkan politik penguasaan Melayu. Pelan beliau, walau bagaimanapun, dihidu awal oleh para pemimpin politik Melayu yang mana menyaksikan Singapura terpaksa berpisah dari Malaysia. Walaupun perpisahan tersebut merupakan pengalaman pahit bagi Lee Kuan Yew, ianya sebenarnya memberi rahmat tersendiri kepada pemimpin yang bercita-cita besar itu. Lee Kuan Yew tahu bahawa Singapura tidak mempunyai sumber alam yang kaya kecuali kedudukan pulau tersebut yang begitu strategik.

Dengan aset kedudukan tersebut, Singapura dibangunkan di tengah-tengah kemelut dan kancuh peperangan serantau. Kemajuan yang dicapai oleh Singapura yang begitu pesat ketika itu adalah akibat dari permasalahan politik, ekonomi dan sosial dalaman yang dialami oleh negara-negara jiran. Indonesia, Malaysia, dan Thailand diselubungi oleh ancaman komunis yang cuba menyeludupi sistem pemerintahan negara. Filipina pula berhadapan bukan sahaja dengan ancaman komunisme tetapi juga dengan prospek perpecahan angkara dari perang yang berterusan di Mindanao. Di samping itu, negara-negara ini juga berhadapan dengan masalah kemiskinan dan sosial yang ketara. Oleh

yang demikian, konflik dalaman negara jiran telah membenarkan Singapura untuk terus berkembang kerana sebagai sebuah negara yang kecil, pemerintahan Singapura berupaya mengawal ancaman-ancaman komunis maupun anasir-anasir luar. Negara-negara jiran pula, kerana tidak mempunyai pilihan, terpaksa menggunakan kedudukan pelabuhan strategik Singapura bagi mengeksport barangan mereka kerana sumber mereka yang terhad untuk membina sebuah pelabuhan besar.

Kepesatan ekonomi dan kestabilan politik Singapura juga sebenarnya banyak dipengaruhi oleh kestabilan ekonomi dan politik jiran terdekatnya, Malaysia. Ketidakseimbangan politik di Malaysia akibat dari peristiwa Mei 1969 dan pengukuhan politik Melayu selepas peristiwa tersebut membawa Singapura kepada dilema. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar politik terbuka beracuan imej Cinanya, perkembangan politik Malaysia boleh memberi kesan ekonomi ketara kepada republik tersebut. Semenjak pemisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965, republik tersebut sentiasa melihat Malaysia yang didokongi oleh golongan ultra Melayu sebagai ancaman kepada kelangsungan hidupnya.

Ketakutan ini bukanlah baru bagi republik tersebut. Sewaktu republik tersebut baru sahaja keluar dari Persekutuan Malaysia, ianya merasakan bahawa kedudukannya sebagai sebuah negara yang berdaulat belum dapat menjamin keselamatannya berpanjangan. Sentimen anti-Singapura masih lagi meluap-luap di Semenanjung malah satu briged Angkatan Tentera Malaysia yang diketuai oleh Syed Mohamed Syed Ahmad Alsagoff yang ditempatkan di pulau itu masih lagi boleh memberi ancaman kepada kerajaan Singapura. Syed Mohamed Alsagof dicurigai oleh para pemimpin Singapura kerana pendirian yang menolak pemisahan Singapura dari Malaysia. Ini di tambah pula di mana Rejimen Pertama dan Kedua Infantri Singapura masih lagi di bawah pemerintahan Syed Mohamed Alsagoff. Ianya dilihat sebagai memberi ruang kepada Briged Malaysia untuk menakluki Singapura ataupun mengadakan beberapa pakatan rahsia untuk menjatuhkan kerajaan Singapura.

Di atas ketakutan inilah, Singapura sentiasa melihat Malaysia sebagai ancaman utama negaranya. Singapura tidak melihat Malaysia akan menyerangnya secara ketenteraan tetapi Malaysia dijangka akan menggunakan kelebihan kuasanya untuk menghancurkan Singapura dan menjustifikasikannya untuk campur tangan dan seterusnya mentadbir semula republik tersebut. Ini ditambah lagi dengan ketiadaan satu sistem ketenteraan yang benar-benar mantap yang membolehkan Singapura mempertahankan dirinya. Sebagai sebuah

negara yang kecil dan tidak mempunyai sumber alam yang kaya, Singapura merasakan dirinya terdedah kepada ancaman-ancaman dalaman dan luaran. Walau bagaimanapun Singapura berupaya untuk mengawal dan menghapuskan ancaman dalaman dengan kuasa penuh politik yang diberikan kepada pentadbiran Lee Kuan Yew.

Singapura, di bawah kepimpinan Lee Kuan Yew mengambil pendekatan realistik dalam konteks keselamatan antarabangsa. Lee Kuan Yew tahu bahawa:

Kewujudan negara-negara yang lebih berkuasa melambangkan satu kewujudan ancaman kepada negara lemah kerana tidak ada apapun dalam sistem anarki yang dapat menghalang negara-negara berkuasa untuk memeras ugut dan menghancurkan negara yang lemah. Negara-negara (yang lemah) harus mengimbangi kuasa negara-negara yang kuat melalui perbelanjaan pertahanan atau perikatan luar. Negara-negara yang lebih berkuasa melambangkan satu kewujudan ancaman kerana tidak adapun dalam sistem anarki antarabangsa yang dapat menghalang mereka dari menggunakan kelebihan kuasa untuk menindas jiran-jiran yang lemah<sup>7</sup>

Dan kuasa-kuasa yang kuat pada ketika Singapura baru bertatih adalah Indonesia dan Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia menjadi fokus utama kepada persepsi ancaman Singapura kerana hubungan dan bebanan sejarah (*historical baggage*) yang tidak boleh dipisahkan. Aspek bebanan sejarah inilah yang menyebabkan hubungan kedua-dua buah negara berada dalam keadaan tidak stabil, kadangkala baik dan kadangkala menyulitkan.

Singapura, seperti negara-negara Dunia Ketiga yang lain terpaksa berhadapan dengan ancaman keselamatan dalaman dan luaran. Menguruskan ancaman-ancaman keselamatan dalaman bukan sahaja memerlukan kekuatan politik di pihak kerajaan tetapi juga di pihak masyarakat. Kerajaan dan masyarakat harus mempunyai perasaan percaya mempercayai di samping kerajaan diberi pengiktirafan atau ruang untuk bertindak. Singapura, melalui kekuatan politik dan karisme Lee Kuan Yew berjaya meyakinkan rakyatnya agar memberikan rejim yang berkuasa mandat penuh untuk berhadapan dengan ancaman yang dilihat boleh mengganggu gugat kestabilan negara. Walaupun strategi penghapusan sumber-sumber ancaman boleh dilihat sebagai satu strategi untuk menjamin kelangsungan hidup parti yang memerintah, ianya tidak dapat dielakkan kerana kerajaan di negara-negara Dunia Ketiga merupakan sumber utama kestabilan politik dalaman. Maka tidak

hairanlah bila Lee Kuan Yew mengharamkan Parti Sosialis Singapura dan menahan para pemimpin kesatuan sekerja republik tersebut atas alasan untuk menyekat pengembangan pengaruh komunisme walaupun tindakan tersebut sebenarnya memberi ruang kepada Parti Tindakan Rakyat atau *People's Action Party (PAP)* untuk memperkuatkan kedudukan politiknya.

Persepsi ancaman Singapura, sepertimana negara-negara lain, dipengaruhi oleh persepsi golongan elit iaitu pemimpin republik tersebut. Golongan elit inilah yang mempengaruhi persepsi rakyat menerusi program-program propaganda dalam media mahupun sistem pendidikan. Terdapat perbezaan dalam memahami persepsi ancaman dari segi samada ancaman tersebut merupakan ancaman dalaman dan luaran. Ancaman berbentuk dalaman selalunya dimanipulasi oleh rejim yang berkuasa untuk kepentingan politik mereka. Tetapi apabila menghadapi ancaman luaran golongan elit dan rejim yang berkuasa harus mempunyai asas taktikal yang cekap bagi memastikan republik tersebut dapat memberi respons yang segera dalam menghadapi ancaman tersebut. Sesesebuah negara itu memerlukan bukan sahaja pelan jangka panjang (*blue print*) tetapi juga strategi-strategi yang mantap dan teliti. Persoalannya apakah persepsi ancaman kerajaan dan rakyat Singapura? Bagaimana kerajaan Singapura mempengaruhi persepsi ancaman luaran rakyatnya? Mengapa mereka mempunyai persepsi ancaman sedemikian rupa?

Persepsi ancaman Singapura boleh dibahagikan kepada empat faktor yang saling bergantung. Struktur anarki serantau dan antarabangsa di mana dunia bergolak dengan pertembungan dua kuasa dunia telah menyebabkan Singapura cemas dengan keadaan rantau yang mungkin menyaksikan republik tersebut jatuh ke tangan komunis. Di samping ancaman komunis yang diterajui oleh Parti Komunis Malaya (PKM), Singapura juga berhadapan dengan ancaman politik dari Parti Sosialis berhaluan kiri yang diterajui oleh pertubuhan-pertubuhan buruh. Pengalaman Amerika Syarikat yang gagal menghalang Vietnam Utara menakluki Vietnam Selatan juga mengajar Singapura bahawa hanya kekuatan politik dan ketenteraan yang utuh sahaja dapat mempertahankan sesebuah negara tanpa memerlukan bantuan luar.

Kedudukan geo-strategik Singapura yang merupakan laluan utama perkapalan juga merupakan satu lagi faktor yang mempengaruhi persepsi ancamannya.<sup>8</sup> Faktor ini bukanlah faktor liabiliti tetapi sebenarnya memberi kelebihan kepada republik tersebut. Singapura mahu mempertahankan kedudukannya sebagai pelabuhan entraport terkemuka



di dunia di mana ianya juga merupakan nadi ekonomi dan sumber utama republik tersebut. Dalam keadaan yang sama, republik ini juga tersepit di tengah-tengah dunia Melayu yang mempunyai penduduk seramai 250 juta (Indonesia) dan 25 juta (Malaysia).<sup>9</sup> Dengan majoriti rakyatnya merupakan kaum Cina, perbezaan ketara boleh mewujudkan suasana yang kurang selesa. Keadaan ini menjadi lebih jelas apabila negara-negara jiran republik tersebut mempersoalkan dasar meritokrasi Singapura terhadap penduduk-penduduk Melayu yang dilihat sebagai mendiskriminasi. Ahli politik dan rakyat di seberang tambak misalnya mempertikaikan keikhlasan pemerintah Singapura yang tidak membenarkan orang Melayu menjadi juruterbang pejuang tentera udara republik tersebut di samping tidak melantik orang Melayu ke jawatan yang lebih tinggi dalam angkatan bersenjata. Malah isu mengenai orang Melayu Singapura terpaksa belajar Bahasa Mandarin juga mendapat perhatian dan menjadi satu isu media kedua buah negara jiran.<sup>10</sup>

Keadaan limitasi geo-strategiknya juga membuatkan Singapura terpaksa bergantung kepada sumber alam yang paling berharga dari jirannya iaitu air. Air bersih dilihat sebagai nilai-nilai keselamatan yang strategik. Malah Lee Kuan Yew dalam memoirnya mengakui bahawa ancaman pembekalan air oleh Malaysia boleh mencetuskan konflik antara kedua negara di mana Singapura dilihat berhak melancarkan serangan jika Malaysia memutuskan bekalan air ke republik tersebut. Isu air juga merupakan duri dalam daging hubungan republik tersebut dengan Malaysia. Singapura melihat Malaysia sentiasa mengancam menggunakan isu tersebut apabila terdapatnya permasalahan hubungan dua hala seperti isu penggunaan ruang udara oleh Tentera Udara Singapura (SAF), pengambilan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjung Pagar, pertindihan hak terhadap Pulau Batu Putih, hak mentadbir Pulau Pisang, dan juga pertelagahan mengenai operasi Kastam, Immigresen, dan Kuarantin (CIQ) Singapura. Akibat dari tindakan-tindakan ancaman Malaysia ini, Singapura telah mengorak langkah dengan menjalinkan persefahaman dengan Indonesia bagi mendapatkan air dari negara tersebut melalui Riau di samping membangunkan sistem air kitar semula yang dikenali sebagai *New Water*.

Komposisi rakyatnya yang berbilang kaum juga merupakan salah satu lagi faktor terpenting. Tetapi faktor ini merupakan faktor yang lebih kompleks kerana ianya bukan sahaja berkaitan dengan faktor komposisi dalaman tetapi juga mengaitkan hubungannya dengan Malaysia. Aspek historical baggage ini merupakan satu bebanan kepada Singapura kerana sebarang tindakan dalamannya terutamanya yang

mengaitkan masa depan orang-orang Melayu Singapura akan mendapat reaksi dari seberang Tambak. Malah polisi-polisi dalaman dan luarnya seperti pembukaan kedutaan Israel di Singapura dan lawatan Presiden Israel ke republik tersebut pada tahun 1986 juga mendapat reaksi negatif negara jiran seberang tambak. Walaupun dalam norma diplomasi antarabangsa, ianya merupakan satu sikap yang tidak wajar dari pihak Malaysia, hubungan yang unik dan aspek *historical baggage* antara kedua kedua buah negara merupakan faktor yang tidak dapat dipisahkan.

Faktor-faktor di atas telah mewujudkan dilema keselamatan (*security dilemma*) kepada Singapura. Bagi Collin, dilema keselamatan merangkumi dilema keselamatan dalaman dan luaran.<sup>11</sup> Dilema keselamatan dalaman selalunya merujuk kepada komposisi masyarakat. Bilamana komposisi masyarakat adalah berbilang bangsa atau etnik, dilema keselamatan akan menjadi lebih serius. Dilema keselamatan luaran pula merujuk kepada perebutan sempadan atau serangan luar ataupun keadaan di mana dilema yang dihadapi oleh sesebuah negara untuk mempertahankan wilayah dan sempadannya dari ancaman luar.

Struktur anarki antarabangsa kedudukan geo-strategiknya di Asia Tenggara, komposisi masyarakatnya, dan ketiadaan sumber alam meletakkan Singapura pada awalnya sebagai sebuah negara yang lemah. Imbangan kuasa samada dari sudut sosial, politik, ekonomi maupun juga ketenteraan tidak memihak kepada republik tersebut. Tumpuan pertahanan, oleh yang demikian, diberikan kepada usaha untuk bertahan jika republik tersebut diserang di samping memastikan bahawa kerajaan yang memerintah mempunyai kekuatan politik untuk menghapuskan anasir-anasir penentang.<sup>12</sup> Di samping Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) yang dianggotai juga oleh Australia, Britain, Malaysia dan New Zealand, polisi luar dan pertahanan Singapura cenderung kepada kuasa-kuasa Eropah Barat dan Amerika Syarikat. Ini ialah kerana Singapura tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada FPDA bila republik tersebut diserang. Walaupun perjanjian tersebut merupakan payung pertahanan kepada Malaysia dan Singapura bila kedua-duanya diserang, ianya akan menjadi tidak efektif jika sekiranya Malaysia dan Singapura sendiri berperang di antara satu sama lain. Singapura dengan itu perlu merangka perikatan pertahanan dengan kuasa-kuasa besar barat terutamanya Amerika Syarikat sebagai satu strategi cegahrintang.

Strategi cegahrintang Singapura perlahan-lahan menjadi strategi teras pertahanannya. Semenjak awal tahun 1970an, keupayaan pertahanannya bukan lagi tertumpu kepada aspek mempertahankan diri sendiri iaitu berupaya bertahan apabila diserang tetapi tertumpu juga

kepada konsep serangan terdahulu (*pre-emptive strike*) bilamana keadaan memerlukan. Konsep cegahrintah Singapura diungkapkan kepada undang beracun sebagai amaran bahawa sebarang tindakan provokatif negara luar akan menerima padah yang buruk. Jika anda makan undang ini maka anda sendiri akan mati.<sup>13</sup> Lee Kuan Yew pernah mengatakan bahawa Singapura adalah seperti udang yang begitu lazat untuk dimakan oleh sesiapa sahaja tetapi awas Singapura adalah juga seperti udang yang beracun yang boleh memusnahkan sesiapa sahaja yang ingin menghancurkannya.<sup>14</sup> Berdasarkan kepada strategi serangan terdahulu ini, Singapura juga melancarkan konsep pertahanan hadapan yang menekankan kekuatan pertahanan udara dan pasukan berperisai.

## **PERTAHANAN HADAPAN SINGAPURA - DARI PARIAH KETENTERAAN KEPADA KUASA PERTAHANAN SERANTAU**

Sepertimana yang dibincangkan sebelum ini, untuk mewujudkan satu sistem pertahanan yang mantap dan digeruni Singapura menggunakan sepenuhnya konsep cegahrintang dalam dasar pertahanannya. Konsep *poisonous shrimp* atau udang beracun menjadi tunjang utama kepada dasar cegahrintang Singapura dan juga menjadi asas kepada dasar pertahanan dan luarnya. Apa yang perlu dicapai oleh Singapura ialah untuk menyampaikan kepada dunia luar melalui dasar luarnya prinsip tersebut dengan menunjukkan bahawa ianya berupaya ke arah tersebut. Pemantapan kredibiliti dan keupayaannya telah diterjemahkan di dalam perolehan persenjataannya.

## **KEKUATAN PEROLEHAN PERSENJATAAN**

Semenjak perpisahan dari Malaysia, Singapura tidak pernah memandang ke belakang dalam memantapkan sistem pertahanan republik tersebut. Strategi dan polisi pertahanannya mungkin berubah mengikut masa tetapi konsep cegahrintang yang dipegang semenjak 1965 tidak dapat dipisahkan apabila membicarakan pertahanan hadapan republik tersebut. Antara tempoh lima tahun pertama selepas perpisahan Malaysia-Singapura, purata peratus kadar perbelanjaan pertahanan Singapura dari jumlah perbelanjaan negara kasar (KDNK) dalam dua dekad – 1970an dan 1980an – adalah lebih kurang 6 peratus setahun.<sup>15</sup> Dari segi nilai sebenar perbelanjaan pertahanan ianya naik sehingga lebih 1000 kali ganda dari hanya 106 juta dolar Amerika pada tahun 1970 kepada lebih 1 billion dolar Amerika pada tahun 1988.<sup>16</sup> Antara tahun 1990 dan 2002

pula, Singapura secara puratanya membelanjakan lebih kurang 4 peratus dari KDNKnya jika dibandingkan dengan Malaysia yang hanya membelanjakan sekitar 2 peratus setahun dari KDNKnya

Kadar peratusan yang tinggi dalam perbelanjaan pertahanan ini telah diterjemahkan dengan pembelian alat-alat ketenteraan yang canggih menjangkau keupayaan negara-negara jiran yang lain. Pada hari kebangsaan republik tersebut pada tahun 1969, contohnya, Singapura telah menunjukkan kekuatan ketenteraan dengan mempamerkan skuadron AMX-13 kereta kebal ringan yang dibeli dari Israel (Malaysia masih lagi tidak mempunyai kereta kebal pada ketika itu) dan telah menimbulkan kebimbangan di seberang tambak di atas keupayaan sebenar Singapura.


Trend perolehan persenjataan tidak berubah dari tahun ke tahun. Pada tahun 1988 pula, SAF telah mempunyai lebih 144 jet pejuang pelbagai jenis yang mana mampu membuat serangan sehingga ke utara semenanjung pada masa yang singkat. Manakala antara tahun 1999-2000 perbelanjaan pertahanan Singapura merupakan kedua yang tertinggi di Asia Tenggara selepas Myanmar (sila lihat Jadual 1). Republik tersebut juga mendahului negara-negara di rantau ini dengan mempunyai skuadron udara terancang dan termaju dengan F-16 dan F18 pada akhir Perang Dingin di samping mendahului Malaysia dalam mempunyai sistem kereta kebal tempur (Malaysia sehingga kini hanya mempunyai kereta kebal ringan bukan tujuan untuk pertempuran), kapal selam, dan pesawat AWACS (Early Warning Aircraft System).

Dari segi kekuatan personel, terdapat lebih kurang 385,000 anggota tentera yang mana sebahagian besar daripadanya merupakan askar simpanan. Dari jumlah tersebut 72,000 merupakan askar yang aktif di mana 30,000 merupakan anggota pasukan tentera darat, 4,000 tentera laut, dan 6,000 tentera udara.<sup>17</sup> Dari segi kelebihan ketenteraan jika dibandingkan dengan angkatan bersenjata serantau, kekuatan ketenteraan Singapura terletak kepada kecanggihan sistem pertahanan udaranya. Pengkalan utama Tentera Udara Singapura (SAF) terletak di Lapangan Terbang Paya Lebar yang menempatkan pelbagai pesawat pejuang F-16A/b (7 buah), F-16S (8), F-16D (10), F5S (28), F-5T (9) dan Skyhawk (40). Oleh kerana masalah ruang yang terhad, terdapat juga pesawat F16C/D yang diletakkan di Amerika Syarikat, Australia dan Taiwan di bawah perjanjian pertahanan duahala.<sup>18</sup> Pesawat-pesawat ini terutamanya di Australia dan Taiwan akan digerakkan dan diaktifkan jika situasi kecemasan berlaku di republik tersebut.

Perbelanjaan ketenteraan republik tersebut yang tinggi ini sudah tentu menimbulkan persepsi ancaman di kalangan negara jiran

terutamanya Malaysia. Malah penganalisis ketenteraan meramalkan bahawa Singapura tidak lagi seperti dahulu dan tiada tandingannya terhadap Malaysia jika dilihat kepada inventori peralatan ketenteraannya. Di samping itu Angkatan Bersenjata Republik Singapura yang begitu efisien dengan dibantu oleh askar simpanannya membolehkan ia mempertahankan wilayahnya malah melancarkan serangan hadapan kepada wilayah-wilayah jiran.

Jadual 1:  
Perbelanjaan Pertahanan Negara-negara Asia Tenggara (1991-2000)<sup>19</sup>



Tim Huxly dalam bukunya bertajuk *Defending the Lion City: The armed forces of Singapore* meramalkan bahawa Singapura akan menang mudah jika sekiranya Malaysia dan Singapura berperang. Berdasarkan kepada penyelidikan beliau, keupayaan ketenteraan banyak berpihak kepada Singapura. Walaupun kekuatan sebenar tentera tempur Singapura hanya dalam lingkungan 72,000 orang ianya juga mempunyai askar simpanan sehingga 385,000 orang (sila lihat Jadual 3). Malah republik tersebut telah memperkenalkan sistem kerahan tenaga semenjak tahun 1967 bagi memastikan rakyatnya sama-sama berjuang jika konflik atau perang berlaku. Secara perbandingan Malaysia hanya mempunyai 105,000 anggota tentera termasuk pasukan simpanan.

Sehingga tahun 2000, Singapura mempunyai beberapa jenis kereta kebal sedangkan Malaysia hanya mempunyai kereta kebal jenis ringan. Dari aspek kekuatan tentera lautnya, Singapura pula mempunyai tiga kapalselam di mana Malaysia baru sahaja membuat pesanan dan hanya akan mempunyainya seawal-awalnya lima tahun lagi. Di samping itu Angkatan Bersenjata Republik Singapura juga telah menjalankan proses menaiktaraf kereta kebal tempur jenis Centirion sebanyak 120 buah dan kapal kebal ringan jenis 350 AMX-13SMI. Dari segi pertahanan udara, Singapura mempunyai bilangan kapal terbang tempur (*jetfighters*) lebih dari bilangan yang dimiliki oleh Malaysia dan Indonesia bila dicantumkan.<sup>20</sup>

Jadual 2:  
Perbandingan Peratus Perbelanjaan Ketenteraan Antara Malaysia dan Singapura dari Keluaran Negara Kasar (KDNK) 1987-2001<sup>21</sup>

Tahun	Malaysia	Singapura
1990	1.5	2.8
1991	2	2.8
1992	2	3.6
1993	2.1	4
1994	2.3	3.6
1995	2.4	4.4
1996	2.2	4.8
1997	2.1	5.7
1998	1.7	5
1999	2.8	4.8
2000	3.2	4.7
2001	1.9	4.8
2002	?	5.1

Sesungguhnya, data-data tersebut meyakinkan penganalisis ketenteraan bahawa dalam apa jua senario peperangan, Singapura mempunyai kelebihan pertahanan yang begitu besar. Apakah senario peperangan jika benar Malaysia akan berperang dengan Singapura? Senario-senario peperangan kedua-buah negara telah banyak digambarkan samada ada di dalam buku-buku akademik mahupun suratkhobar. Malah berdasarkan analisis Huxly, strategi utama yang akan digunakan oleh Angkatan Bersenjata Republik Singapura adalah menyerang sistem komunikasi Malaysia seperti radar di pengkalan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) di Segamat untuk beberapa jam selepas krisis bermula sebelum melancarkan serangan-serangan seterusnya ke atas kedudukan kepentingan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Jadual 3:  
Kekuatan Ketenteraan dan Perbelanjaan Pertahanan Negara-negara Terpilih  
di Asia-Tenggara pada tahun 1998<sup>22</sup>

Negara	Perbelanjaan Pertahanan					Kekuatan Ketenteraan						
	US\$ juta.	% KDNK	Ked.	KDNK	Ked.	No.	Ked.	% Jum.	Ked.	Jumlah Penduduk (000s)	Ked.	
Indonesia	5,000	2.6	11	189,000	10	298,000	10	.15	17	203,479	5	
Singapore	4,800	5.0	5	96,000	12	73,000	15	2.28	2	3,200	19	
Thailand	2,100	1.5	15	137,000	11	306,000	9	.48	9	63,726	10	
Malaysia	1,500	1.7	14	88,000	13	105,000	14	.48	11	22,094	13	
Filipina	1,000	1.5	16	65,000	14	110,000	13	.15	18	75,659	9	
Vietnam	925	3.4	7	27,000	16	484,000	8	.60	7	80,433	8	
Brunei	378	6.9	2	5,500	18	5,000	19	1.54	3	325	20	
Kemboja	152	4.2	6	3,600	20	149,000	12	1.40	5	10,654	16	

Nota:

Ked: Kedudukan di Asia-Pasifik

Angkatan Bersenjata Republik Singapura juga akan menggunakan kelebihan udara dan lautnya dengan melancarkan serangan menggunakan Unit Helimobile Guard ala-Komando (*rapid reaction force*) dengan menakluki Johor Bahru melalui udara dan laut. Serangan tersebut akan dikuatkan dengan batalion armor yang mempunyai kekuatan 120 kereta kebal jenis penyerang. Apabila Angkatan Bersenjata Republik Singapura dapat menakluki kawasan selatan negara, Johor akan dijadikan pusat serangan sehingga ke utara semenanjung. Dengan kata lain, Johor akan dijadikan *buffer zone* antara kawasan utara semenanjung dan pulau Singapura. Kawasan di sekitar perairan Johor pula akan diawasi oleh Angkatan Laut Singapura dari serangan Angkatan Laut Di-Raja Malaysia (TLDM).

Walau bagaimanapun, kekuatan ketenteraan yang ada tidak mempunyai apa-apa makna jika ianya tidak disokong oleh pembangunan industri pertahanan yang efisien. Industri pertahanan, sepertimana yang dihujahkan oleh Sussan Willett, bukan sahaja mempunyai nilai-nilai komersial untuk menyumbang kepada pendapatan negara, tetapi juga mempunyai tanggungjawab sosial untuk mempertahankan kedaulatan negara.<sup>23</sup>

Sistem pertahanan Singapura disokong oleh industri pertahanan yang agak mantap. Ianya telah dibangunkan semenjak tahun 1967 yang diketuai oleh empayer konglomerat Singapore Technologies (ST). ST mempunyai anak-anak syarikat yang mempunyai peranan yang tertentu

seperti ST Aerospace yang menumpukan kepada kajian aero angkasa dan penerbangan. ST Automotive pula menumpukan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang automotif, manakala ST Electronic Engineering tertumpu kepada bidang kejuruteraan elektronik.

Pada tahun 2000 pula, industri pertahanan Singapura menempa sejarah apabila Kementerian Pertahanan Singapura mewujudkan satu badan yang dikenali sebagai Defense Science and Technology Agency yang berfungsi sebagai badan penasihat dalam sains pertahanan di samping menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam persenjataan.<sup>24</sup> Industri pertahanan Singapura juga telah berjaya menghasilkan pelbagai senjata canggih untuk angkatan bersenjata republik tersebut. Antara kejayaan industri pertahanannya ialah penghasilan Machine Gun Ultimax 100 yang merupakan machine gun teringan di dunia, dan juga self-propelled howitzer model primus yang dihasilkan oleh kepakaran tempatan.<sup>25</sup> Di peringkat angkatan laut, industri pertahanan republik tersebut juga telah mempunyai kepakaran dalam membina kapal peronda kelas Fearless yang mana dilengkapi dengan torpedo sonar dan juga pembinaan stealth corvett dan frigate hasil usahasama dengan Perancis.

Industri pertahanan Singapura juga bukanlah industri untuk pasaran tempatan semata-mata. Sehingga kini Singapore Technologies (ST) telah diakui sebagai syarikat pertahanan multinasional yang mempunyai keuntungan tinggi di samping mengeksport produknya kepada negara-negara Latin Amerika dan Timur Tengah. Thailand pula merupakan pengimport terbesar senjata dari Singapura dengan pembelian senapang jenis 180 dan senjata anti pesawat jenis Bofors L/70.<sup>26</sup> Transaksi perdagangan persenjataan tersebut dijalankan pada akhir tahun 1980an.

## **NEGARA DAN MASYARAKAT SEBAGAI SUMBER KEKUATAN PERTAHANAN**

Tanggapan bahawa kelebihan kekuatan Singapura adalah berdasarkan kepada keupayaan inventori yang dimiliki boleh memberi satu kesimpulan yang silap dalam menganalisis sistem pertahanan hadapan republik tersebut. Ini ialah kerana dalam strategi pertahanan inventori ketenteraan hanyalah sebahagian dari Strategi Besar (*Grand Strategy*) sesebuah negara. Strategi Besar sesebuah negara juga bergantung kepada populasi, sumber alam, kekuatan masyarakat, kekuatan ekonomi dan kekuatan kerajaan. Dari segi data ketenteraan, Malaysia memang jauh ketinggalan tetapi sejarah peperangan menunjukkan bahawa tidak semestinya negara yang kuat dapat memenangi peperangan. Perang



Vietnam 1975 dan Perang Afghanistan 1979 merupakan contoh yang klasik di mana kejayaan peperangan sesebuah negara bukan diukur melalui inventori ketenteraannya tetapi juga merangkumi aspek sosial, geografi, doktrin dan kekuatan masyarakat.

Memang benar Singapura mempunyai kekuatan sehingga lebih kurang 385,000 tentera yang mana sebahagian besarnya merupakan askar simpanan. Persoalannya sejauh mana mereka bersedia menghadapi cabaran sebenar masih lagi belum diuji. Kekuatan mereka hanya di atas kertas sahaja. Malahan kewajiban untuk rakyat Singapura berumur 18 tahun ke atas untuk menjalani latihan tahunan selama dua minggu setahun belum dapat menjamin bahawa mereka ini mempunyai ketahanan dan kekuatan fizikal untuk menyerang. Peperangan sebelum ini menunjukkan bahawa kejayaan total sesuatu peperangan terletak kepada pertempuran askar-askar perjalan kaki atau askar di medan pertempuran. Kekuatan udara merupakan kelebihan tetapi bukan penentu kepada kemenangan. Perang Afghanistan 1979 merupakan contoh yang jelas.

Strategi pertahanan Singapura oleh itu bukan sahaja tertumpu kepada perolehan persenjataan yang canggih malah juga memberi penekanan kepada keupayaan rakyat dan kerajaan berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman dalaman dan luaran. Pada tahun 1984, republik tersebut membangunkan konsep Pertahanan Menyeluruh (*Total Defense*) yang merangkumi konsep pertahanan ketenteraan, awam, ekonomi, sosial dan psikologi. Konsep pertahanan tersebut adalah berdasarkan pengalaman dan konsep yang sama dipelopori oleh Switzerland dan Sweden. Berdasarkan kepada konsep tersebut Singapura mengakui bahawa jumlah penduduknya yang kecil menyukarkan republik tersebut untuk mempunyai anggota angkatan bersenjata yang tetap. Sebagai langkah jangka panjang, program kerahan tenaga negara yang dikenali sebagai *National Service* (Khidmat Negara) merupakan langkah pertama yang diintegrasikan sepenuhnya dalam konsep Pertahanan Menyeluruhnya. Jika Malaysia hanya mewujudkan program khidmat negara pada tahun 2003, Singapura telah memulakannya seawal tahun 1967. Dalam program kerahan tenaga, remaja lelaki yang berumur 18 tahun ke atas yang merupakan rakyat Singapura maupun penduduk tetap republik tersebut yang tidak mempunyai masalah kesihatan diwajibkan menyertainya selama antara 24 sehingga 30 bulan. Berbanding dengan program khidmat negara Malaysia, program khidmat negara Singapura lebih menekankan aspek latihan ketenteraan yang mana mereka ini akan diserapkan dalam pasukan pelapis tentera atau askar simpanan. Mereka juga akan menjalani proses latihan selama 40

hari setahun sehingga mencapai umur 40 tahun bagi askar biasa atau 50 tahun bagi askar berpangkat.<sup>27</sup> Falsafah utama program kerahan tenaga ini ialah setiap rakyat Singapura harus turut serta untuk mempertahankan negara apabila keadaan memerlukan.

Konsep Pertahanan Menyeluruh juga mengakui bahawa konsep peperangan masakini telah berubah dari hanya pertempuran di medan peperangan kepada satu bentuk pertempuran yang tidak memerlukan kekuatan tentera. Konsep Pertahanan Menyeluruh Singapura, oleh yang demikian, dikembangkan di mana penekanan aspek kesediaan orang awam (*civil defense*), pembangunan berterusan ekonomi (*economic defense*) dan sosial (*social defense*), dan kekuatan psikologi rakyat (*psychological defense*) menjadi teras kepada pertahanan negara.<sup>28</sup> Pertahanan awam merujuk kepada kesediaan rakyat untuk bertindak apabila berlakunya kecemasan negara manakala pertahanan ekonomi pula merujuk kepada penekanan untuk membangunkan ekonomi republik tersebut agar ianya tidak rapuh apabila berlakunya sebarang krisis ekonomi dunia terutamanya sewaktu peperangan sebenar berlaku. Di samping itu, pertahanan ekonomi juga menekankan keupayaan rakyat dan negara Singapura untuk terus relevan dalam kepesatan ekonomi dunia di mana ianya mampu bersaing dalam politik ekonomi antarabangsa.

Pertahanan sosial lebih menumpukan kepada propaganda kerajaan untuk melahirkan rakyat Singapura yang mempunyai satu identiti yang jelas tanpa mengira bangsa dan agama. Ianya berkait rapat dengan konsep pertahanan psikologi di mana polisi utama kerajaan Singapura ialah untuk melahirkan rakyat yang setia dan bangga terhadap negara. Secara perbandingannya aspek sosial dan psikologi Konsep Pertahanan Menyeluruh Singapura berkait rapat dengan Dasar Rukun Negara yang ditekankan oleh Malaysia semenjak tahun 1970.

## KESIMPULAN

Ketegangan serantau yang berterusan dan sikap saling tidak percaya mempercayai menyebabkan Singapura bertekad untuk membangunkan sistem pertahanannya sejajar dengan kekuatan negara jirannya. Ketakutannya terhadap kemungkinan diserang oleh negara-negara jiran dan kemungkinan kedaulatannya dicabul menyebabkan republik tersebut terus menerus menunjukkan komitmennya memperlengkapkan sistem pertahanannya. Ini boleh dilihat semenjak tahun 1967 di mana inventori ketenteraannya semakin bertambah dan akhirnya diakui sebagai sebuah negara yang mempunyai kekuatan ketenteraan yang terancang dan termaju di Asia Tenggara mengatasi kekuatan negara yang ditakutinya

sebelum ini, Malaysia. Malah perubahan bajet rasmi pertahanan Singapura masih lagi stabil jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini.

Malangnya kekuatan yang ada telah menimbulkan keangkuhan kepada negara tersebut dan percaya bahawa jika sebarang konflik berlaku kemenangan akan berpihak kepada mereka lebih-lebih lagi bila mana penganalisis ketenteraan juga memberikan analisis positif kepada kekuatan ketenteraan republik tersebut. Walaupun demikian, sejarah peperangan menunjukkan bahawa kekuatan ketenteraan tidak menjamin sesebuah kuasa menang dalam peperangan.

Apa yang menarik di sebalik kekuatan yang ada, ketakutan masih lagi menghantui republik tersebut. Singapura tidak berselindung lagi terhadap pendiriannya bahawa ianya merupakan sekutu utama Amerika Syarikat dan mahukan kehadiran kuasa besar tersebut di rantau ini. Singapura telah menandatangani secara rahsia perjanjian pertahanan dengan Amerika Syarikat pada tahun 1990 bagi menyediakan kemudahan ketenteraan kepada tentera Amerika Syarikat bila mana Amerika Syarikat mengumumkan akan mengundurkan tenteranya dari Teluk Subic di Filipina. Malahan Lew Kuan Yew membuat kenyataan terbuka bahawa AS adalah penentu utama kepada kestabilan rantau Asia Tenggara. Walaupun kenyataan tersebut dilihat sebagai mencabar peranan yang dimainkan oleh ASEAN sebagai sebuah pertubuhan yang tidak berpihak pada mana-mana kuasa besar, Singapura merasakan kepentingan nasional adalah lebih penting dari sentimen serantau.

Walau apapun, negara-negara serantau terutamanya Malaysia harus belajar dari cara Singapura membangunkan sistem pertahanannya. Walaupun dasar kita adalah lebih memakmurkan jiran tetangga, kita juga harus lebih realistik bahawa integriti kedaulatan adalah juga nilai yang utama yang harus dipertahankan dan persepsi bahawa kita mempunyai keupayaan untuk mempertahankan diri adalah juga penting bagi mencegah negara luar untuk menakluki negara ini. Dari sudut itu, Singapura telah berjaya mewujudkan persepsi cegahrintang tersebut dengan mempunyai kekuatan ketenteraan yang disegani dan dikagumi.

## NOTA AKHIR

<sup>1</sup>Artikel ini adalah sebahagian dari hasil penyelidikan awal Projek IRPA no: 07-02-02-0030-EA264 bertajuk *Malaysia external threat perception in Asia-Pacific* di samping merupakan sebahagian dari kertas kerja yang telah dibentangkan di Seminar *Mempertahankan maruah dan kedaulatan negara: Menangani agenda serantau dan antarabangsa*, Anjuran Pertubuhan Alumni Kelab-kelab UMNO Luar Negara, Bangi, 20-21 Mei, 2003.

<sup>2</sup>*New Straits Times*, 4 Julai 2004, hlm. 20

<sup>3</sup>*Utusan Malaysia*, 4 Julai 2004, hlm. 16.

<sup>4</sup>Michael D. Bar, *Lee Kuan Yew. The beliefs behind the man*, Curzon Press, Richmond, Surrey, 2000, hlm. 232 (Terjemahan Penulis)

<sup>5</sup>Dalam memoirnya, Lee Kuan Yew mendakwa bahawa beliau juga memohon bantuan penasihat ketenteraan dari India dan Mesir kerana walaupun Israel telah lebih dari bersedia untuk memberi bantuan, Singapura juga perlu akur kepada sensitiviti serta sentimen anti Israel di kalangan rakyat Melayu dan Islam Singapura dan jiran terdekatnya, Malaysia. Menurutnyanya Mesir dan India tidak menyatakan secara khusus dalam jawapan mereka samada mereka akan membantu membangunkan sistem ketenteraan Singapura. Ianya merupakan sesuatu yang dikesalkan kerana beliau berharap sangat Mesir dapat membantunya membangunkan Angkatan Laut Singapura. Sila lihat Lee Kuan Yew, *From third world to first: the Singapore story: 1965-2000*, Singapore Press Holding Time Edition, Singapore, 2000, hlm. 40-44.

<sup>6</sup>Sila lihat Nik Anuar Nik Mahmud, *Duri dalam daging: hubungan Malaysia-Singapura*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 2002.

<sup>7</sup>Kenneth N. Waltz, *Theory of international politics*, Random House, New York, 1979, hlm.10 (Terjemahan Penulis)

<sup>8</sup>Michael Leifer, *Singapore's foreign policy: coping with vulnerability*, Routledge, London, 2000, hlm 27-32, dan Tim Huxly, *Defending the Lion City: the armed forces of Singapore*, Oxford University Press, Oxford, 2000, hlm31-33.

<sup>9</sup>Sila lihat juga Hussin Mutalib, The socio-economic dimension in Singapore's quest for security and stability, *Pacific Affairs*, 2002, 75(1), hlm. 39.

<sup>10</sup>*Utusan Malaysia*, 6 Julai 2004.

<sup>11</sup>Collins, A, *The security dilemma of Southeast Asia*, MacMillan Press, London, 2000, hlm. 32-34.

<sup>12</sup>Liew Nyin Tet, Pembangunan ketenteraan Singapura dan kesannya ke atas keselamatan rantau Asia Tenggara, *Kertas Projek Sarjana Sastera Kajian Dasar dan Analisis Keselamatan* (Tidak Diterbitkan), 2004, Pusat Pengajian Sejarah, Politik, dan Strategi, UKM, Bangi, hlm. 29.

<sup>13</sup>D.K. Mauzy dan R.S Milne, *Singapore politics under the People's Action Party*, Routledge, London, 2002, hlm. 56-58

<sup>14</sup>Jon S. T. Quah, Chan Heng Chee dan Seah Chee Meow. *Government and politics of Singapore*, Oxford University Press, Singapore, 1987, hlm. 286.

<sup>15</sup>Sila rujuk *Military balance (Annuals Military Budget 1970-71 through 1988-89)*, Institute of Strategic and International Studies, London, 1990

<sup>16</sup>Ibid.

<sup>17</sup>Disesuaikan dari pelbagai sumber termasuk dari Liew Nyin Tet, 2004, op. cit.; *Military Balance 1999/2000*,: International Institute for Strategic Studies (IISS), London, 1999.

<sup>18</sup>Liew Nyin Tet, 2004, op cit, hlm 34-35.

<sup>19</sup>Rujukan: Singapore Defense Spending at: <http://www.pacom.mil/publications/apeu02/s07defecon8.doc> (18 Julai 2004)

<sup>20</sup>Tim Huxly, op. cit.

<sup>21</sup>Anthony H. Cordsman, *The Asian military balance: Southeast Asia*, Center for Strategic and International Studies, Washington D.C., 2000

<sup>22</sup>*Military Balance 1999/2000*, International Institute for Strategic Studies (IISS), London, 1999.

Nota:

<sup>a</sup>Data perbelanjaan pertahanan IISS adalah berdasarkan anggaran perbelanjaan dan bukannya pada bajet rasmi kerajaan negara berkenaan.

<sup>b</sup>Data ini adalah berdasarkan tentera yang aktif.

<sup>23</sup>Susan Willett, East Asian's changing defense industry, *Survival*, 39 (3), 1997, hlm 114-116.

<sup>24</sup>Liew Nyin Tet, 2004, op cit, hlm 26-27

<sup>25</sup>Andrian Kuah, Globalization and Singapore's defense industrial base, <http://www.ntu.edu.sg/idss/perpective/IDSS0352004.pdf> (6 Julai 2004)

<sup>26</sup>Tim Huxley, op cit, hlm 192.

<sup>27</sup>Andrew Tan T. H, Singapore defense: capabilities, trends, and implication, *Contemporary Southeast Asia*, 21(3), 1998, hlm 286.

<sup>28</sup>Kementerian Pertahanan Singapura, *What is total defense*, <http://www.totaldefence.org.sg/totaldefence/overview.html> (6 Julai 2004)

## BIBLIOGRAFI

- Andrew Tan T. H. 1998. Singapore defense: capabilities, trends, and implication, *Contemporary Southeast Asia*. 21(3): 451-474.
- Andrian K., 2004. Globalization and Singapore's defense industrial base, 2004, <http://www.ntu.edu.sg/idss/perspective/IDSS0352004.pdf> (6 Julai 2004).
- Bar, M.D. 2000 *Lee Kuan Yew. The beliefs behind the man*. Richmond, Surrey: Curzon Press.
- Collins, A. 2000. *The security dilemma of Southeast Asia*. London: MacMillan Press.
- Cordsman, A. H. 2000. *The Asian military balance: Southeast Asia*. Washington D.C. CSIS.
- Hussin M. 2002. The socio-economic dimension in Singapore's quest for security and stability. *Pacific Affairs*. 75(1).
- Huxly, T. 2000. *Defending the Lion City: The armed forces of Singapore*. Oxford: Oxford University Press.
- Jon S. T. Quah, Chan Heng Chee dan Seah Chee Meow. 1987. *Government and politics of Singapore*. Singapore: Oxford University Press.
- Kementerian Pertahanan Singapura, What is total defense, <http://www.totaldefence.org.sg/totaldefence/overview.html> (6 Julai 2004)
- Lee Kuan Yew. 2000. *From third world to first: the Singapore story: 1965-2000*, Singapore: Singapore Press Holding Time Edition
- Leifer, M. 2000. *Singapore's foreign policy: coping with vulnerability*. London: Routledge, London
- Liew Nyin Tet. 2004. Pembangunan ketenteraan Singapura dan kesannya ke atas keselamatan rantau Asia Tenggara, *Kertas Projek Sarjana Sastera Kajian Dasar dan Analisis Keselamatan*. Bangi: Pusat Pengajian Sejarah, Politik, dan Strategi, UKM.
- Mauzy, D.K. dan Milne, R.S Milne. 2002. *Singapore politics under the People's Action Party*. London: Routledge
- Military Balance 1999/2000*. London: International Institute for Strategic Studies (IISS). 1999.

*Military balance (Annuals Military Budget 1970-71 through 1988-89)*.  
London: Institute of Strategic and International Studies (IISS).  
1990.

*New Straits Times*, 4 Julai 2004. hlm. 20

Nik Anuar Nik Mahmud. 2002 *Duri dalam daging: hubungan Malaysia-Singapura*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia

Singapore Defense Spending, <http://www.pacom.mil/publications/apeu02/s07defecon8.doc> (18 Julai 2004)

*Utusan Malaysia*, 4 Julai 2004, hlm. 16

Waltz, K. N. Waltz. 1979 *Theory of international politics*. New York: Random House.

Willett, S. 1997. East Asian's changing defense industry. *Survival*. 39 (3).